



KENYATAAN RASMI

PENGLIBATAN AMANIE ADVISORS DALAM PROSES SEMAKAN SYARIAH DAN PENSIJILAN PEMATUHAN SYARIAH PROGRAM-PROGRAM DI BAWAH TONE GROUP

Amanie Advisors telah dilantik oleh pihak Tone Group pada suku ke-4 tahun 2016 sebagai konsultan dan penasihat Syariah bagi melakukan proses semakan Syariah ke atas 2 program sedia ada Tone Group iaitu:

- i) Tone Excel; dan
- ii) Tone Plus.

Mengambil kira keahlian program tersebut menjangkau lebih kurang 500,000 orang di seluruh Malaysia, dan *due diligence* di peringkat dalaman yang telah dilakukan, Amanie Advisors telah membuat keputusan untuk menyahut cabaran yang besar bagi memastikan aktiviti perniagaan yang besar ini mematuhi piawaian Syariah yang sepatutnya.

Lebih kurang 6 bulan proses semakan Syariah hujung ke hujung telah dilakukan oleh Amanie Advisors yang merangkumi, di antaranya, kajian dan pemerhatian pasaran, analisa ke atas struktur perniagaan, dokumentasi dan perakaunan serta maklumbalas pakar-pakar Syariah dan juga pengurusan mahupun ahli Tone Group sendiri.

Hasil daripada proses yang dilakukan, Amanie Advisors telah mencadangkan penambahbaikan kepada Tone Group bagi memastikan keseluruhan aspek program-program tersebut memenuhi kehendak dan piawaian Syariah.

Setelah berpuas hati dengan komitmen yang diberikan oleh pihak pengurusan Tone Group serta penambahbaikan yang dilakukan, maka Amanie Advisors telah mengeluarkan sijil patuh Syariah kepada program-program Tone Group tersebut pada 12 April 2017.

Tarikh: 13 April 2017

AMANIE ADVISORS SDN BHD 684050-H

Level 33 Menara Binjai * No. 2 Jalan Binjai * Off Jalan Ampang * 50450 Kuala Lumpur * Malaysia

Tel * +603 2181 8228 Fax * +603 2181 8219

info@amanieadvisors.com www.amanieadvisors.com

KUALA LUMPUR | DUBAI | LUXEMBOURG | DUBLIN | ASTANA | MUSCAT | SEOUL | CASABLANCA